

KEMUDAHAN KAFFETERIA DI DALAM BALAI PELAWAT



Kemudahan ini disediakan bukan sahaja kepada pengunjung yang datang melawat tetapi juga kepada penghuni yang menginap di Balai Pelawat. Ia beroperasi mulai jam 7.00 pagi hingga 11.00 malam setiap hari. Makanan yang disediakan terdiri masakan ala Melayu / Kampung, masakan ala India, masakan ala Cina, minuman / buah-buahan dan pencuci mulut. Juga disediakan ruang meja dan kerusi makan yang selesa. Bagi anggota hospital disediakan bilik berhawa dingin dengan muatan kapasiti hampir 20 orang bagi satu-satu masa. Harga yang disediakan berpatutan dan boleh menerima tempahan dan penghantaran khusus kepada anggota yang bertugas di hospital. Diruang makan luar juga disediakan kemudahan televisyen yang disediakan oleh pihak pengusaha disamping kemudahan ruang mencuci tangan dan tandas lelaki dan perempuan diluar bangunan Balai Pelawat. Kafeteria ini telah dirasmikan oleh Pengarah Hospital pada 17 November 2008.